

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N12 PENANTI
EXCO AGROTEKNOLOGI & KESELAMATAN MAKANAN, PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR DAN KESIHATAN

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

YB Dato' Yang di-Pertua

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada soalan serta cadangan yang telah dibangkitkan dan disuarakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB Bukit Tambun. Persoalan ini berkaitan dengan peranan pihak kerajaan dan EXCO dalam menitik beratkan bidang pertanian iaitu penggunaan teknologi dalam bidang pertanian.

Q1

Untuk makluman YB Bukit Tambun, sebenarnya negeri kita ini telah mencapai Agriculture 4.0 iaitu konsep yang mengintegrasikan teknologi dalam bidang pertanian. Tetapi belum lagi meluas secara keseluruhannya. Perkara ini dapat dibuktikan, dengan wujudnya ladang vanilla pintar negara yang pertama milik syarikat persendiriaan iaitu (Kairos Agriculture) di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Untuk pengetahuan ahli dewan semua, ladang ini menggunakan teknologi Agriculture 4.0 yang meliputi teknologi kebendaan (IOT), kecerdasan buatan (AI), penggunaan data raya serta pembelajaran mesin dan sistem dron. Dengan menggunakan teknologi ini, Kairos agriculture dapat memaksimumkan penggunaan teknologi bagi menjimatkan penggunaan tenaga kerja dan pada masa yang sama dapat meningkatkan kualiti vanilla yang ditanam.

Selain itu, seperti yang kita tahu pada waktu sekarang banyak pekebun dan pesawah telah menggunakan dron bagi memudahkan kerja-kerja seperti meracun, membaja dan menyemai benih. Dari penggunaan ini dron juga dapat menyelesaikan masalah kekurangan pekerja serta membuka peluang pekerjaan kepada golongan muda dan sekaligus menarik mereka untuk menceburi bidang pertanian.

Dato' Yang di-Pertua,

Q2 – Berapakah bilangan kebun komuniti yang telah diwujudkan di Pulau Pinang?. Adakah kerajaan negeri menepati janji iaitu mewujudkan 100 hab kebun komuniti dalam tempoh 5 tahun?

Di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memasukkan Perkebunan Komuniti Urban Farming sebagai fokus utama dalam pembangunan di Negeri Pulau Pinang melalui kod L 3.2.5.3 di dalam RSNPP 2023 iaitu mengusahakan atau membangunkan tanah yang terbiar atau usang untuk aktiviti pertanian yang sesuai termasuk Urban Farming yang meliputi Rooftop Garden dan Vertical Garden.

Pelaksanaan Urban Farming boleh dilaksanakan secara kaedah konvensional, berteknologi digital, mesra alam dan praktikal bagi menyesuaikan dengan situasi penduduk bandar yang sibuk. Pelaksanaan program ini juga boleh digalakkan melalui kaedah penggunaan penanaman secara menegak vertical, hidroponik dan 'raised bed' bagi mengatasi masalah ruang yang terhad. Kawasan-kawasan yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya boleh dibangunkan di atas tanah milik sah dengan memanfaatkan kawasan atau ruang sama ada di bandar, pinggir bandar dan luar bandar dengan memfokuskan kepada aktiviti pertanian moden yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kos sara hidup pada masa kini.

Antara contoh Urban Farming yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang adalah Kebun Komuniti 'Community Farming'. Kebun komuniti menjadi hasrat kerajaan supaya komuniti berdekatan dapat menikmati hasil tanaman dengan mudah. Jumlah setakat ini adalah 22 buah kebun komuniti di seluruh Pulau Pinang. Kerajaan negeri komited dan serius dalam merealisasikan 100 hab kebun komuniti sehingga 2025.

Dato' Yang di-Pertua,

Pihak exco agroteknologi menyambut baik cadangan yang telah dilontarkan oleh YB Bukit Tambun untuk meningkatkan lagi fungsi Agrobazar yang dikelola oleh FAMA. Pihak exco juga setuju dengan cadangan YB Bukit Tambun untuk menggiatkan usaha memperkenalkan kepada petani cara untuk memasarkan produk tanpa orang tengah

dan mengintegrasikan teknologi dalam bidang pertanian untuk meningkatkan produktiviti serta menguar-uarkan dengan lebih meluas platform agrobazar kepada semua petani. Soalan seterusnya, dibangkitkan oleh YB Batu Uban.

Q3 – Pengusaha bot dan nelayan melanggar syarat lesen dan pendatang asing menggunakan vesel serta menangkap ikan di zon yang tidak dibenarkan atau diharamkan

Dato' Yang di-Pertua,

Pemilik Vesel perlu mendapatkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dari Jabatan Imigresen Pulau Pinang dan Kebenaran Penggunaan Kru Bukan Warganegara Di Atas Vesel Penangkapan Ikan Tempatan daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia (Jabatan Perikanan Malaysia). Sekiranya tiada, pemilik tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985 dan boleh dikenakan tindakan kompaun tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Selain itu, Penggunaan warga asing adalah dibenarkan untuk bekerja di atas vesel tersebut dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara yang sah dari Jabatan Imigresen Pulau Pinang dan Kebenaran Penggunaan Kru Bukan Warganegara Di atas Vesel Penangkapan Ikan Tempatan daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada Vesel Zon C ke atas sahaja.

Bagi menjawab isu tentang penangkapan ikan di zon yang tidak dibenarkan pula Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sememangnya sedar mengenai pencerobohan vessel menangkap ikan menggunakan perkakas Kenka dua bot atau juga dikenali sebagai pukut apollo dan juga pukut tunda di perairan Pulau Pinang. Pencerobohan ini dilakukan oleh segelintir pengusaha yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Perikanan sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti rondaan serta program berunsurkan CBFM (Pengurusan perikanan berasaskan masyarakat) bagi membendung masalah berkenaan dengan memberi fahaman kepada nelayan pentingnya pengurusan sumber perikanan.

Jabatan Perikanan juga telah dan sedang menjalankan rondaan penguatkuasaan setiap hari di perairan Pulau Pinang dengan menggunakan kapal ronda Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, dari Kedah dan Perak. Pelbagai operasi lain seperti Operasi Kekang, Operasi Kapit dan Operasi Sempadan dilaksanakan juga dari masa ke semasa bagi membanteras pencerobohan dari bot-bot pukat tunda dan pukat apollo di perairan Pulau Pinang. Selain Jabatan Perikanan sendiri, penguatkuasaan perairan dijalankan juga oleh agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain seperti Polis Marin. Kesemua kes-kes yang berkaitan akan didakwa di bawah peruntukan Akta Perikanan 1985.

Penangkapan ikan menggunakan pukat tunda dibenarkan di Malaysia. Akta Perikanan 1985 (Akta 317) hanya melarang nelayan pukat tunda daripada menangkap ikan di Zon A, iaitu 5 batu dari pantai yang dikhususkan kepada nelayan kecil.

Bagaimanapun, zon ini juga turut diceroboh oleh nelayan pukat tunda akibat penguatkuasaan yang lemah. Ini menyebabkan pemupusan sumber-sumber perikanan negara dan mengancam mata pencarian nelayan pantai.

Kegiatan nelayan pukat tunda semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini berikutan peningkatan permintaan ikan baja untuk projek akuakultur. Penggunaan utama ikan baja adalah untuk projek akuakultur pesisir pantai, memandangkan hampir 90 peratus penternakan ikan di Malaysia membabitkan pemberian ikan baja sebagai makanan. Akibatnya penangkapan ikan menggunakan pukat tunda meningkat hampir dua kali ganda, mencecah lebih 60 peratus tangkapan ikan di negara kita. Kegiatan penangkapan ikan oleh nelayan pukat tunda menghasilkan lebih 90 peratus ikan baja.

Dato' Yang di-Pertua,

Untuk menyelesaikan kejadian menunda pukat dikawasan yang telah diharamkan kepada pukat tunda pelaku akan didakwa di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan di luar kawasan yang ditetapkan yang mana jika didapati bersalah boleh dihukum di bawah seksyen 25(b) akta sama. Tertuduh boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara maksimum dua tahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Dato' Yang di-Pertua,

Mengakhiri sesi jawapan saya kepada soalan-soalan yang dikemuka oleh ahli-ahli yang berhormat. Saya ingin mengajak semua agar kita sama-sama berganding bahu dalam usaha untuk memodenkan bidang pertanian agar jaminan dan keselamatan makanan dapat ditingkatkan di negeri kita ini.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Irfan Bin Ahmad Shukri

N12 Penanti

Sidang Muda 2022/23

